



10 Oktober 2017  
10 October 2017  
P.U. (A) 307

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN)  
(*PERMANENT COURT OF ARBITRATION*) 2017

*INTERNATIONAL ORGANIZATIONS  
(PRIVILEGES AND IMMUNITIES)(PERMANENT COURT  
OF ARBITRATION) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA  
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (*PERMANENT COURT OF ARBITRATION*) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1) dan seksyen 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [*Akta 485*], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (*Permanent Court of Arbitration*) 2017**.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“adjudikator PCA” ertinya mana-mana penimbang tara, pengantara, pendamai atau ahli kepada suruhanjaya siasatan yang mengambil bahagian dalam perbicaraan, mesyuarat atau aktiviti lain yang berhubung dengan prosiding PCA;

“Biro Antarabangsa” ertinya Biro Antarabangsa untuk *Permanent Court of Arbitration*;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia;

“pegawai-pegawai PCA” ertinya Setiausaha Agung PCA dan semua anggota kakitangan Biro Antarabangsa;

“pegawai tinggi” ertinya Setiausaha Agung PCA atau mana-mana pegawai yang dilantik sebagai pegawai tinggi oleh Setiausaha Agung PCA;

“*Permanent Court of Arbitration*” atau “PCA” ertinya *Permanent Court of Arbitration*, yang berpangkalan di The Hague;

“peserta prosiding PCA” ertinya mana-mana peguam, pihak, agen atau wakil pihak, saksi, pakar, serta jurubahasa, penterjemah atau wartawan mahkamah yang mengambil bahagian di dalam perbicaraan, mesyuarat atau aktiviti lain yang berkaitan dengan prosiding PCA;

“prosiding PCA” ertinya sebarang prosiding penyelesaian pertikaian ditadbir oleh atau di bawah naungan PCA, sama ada menurut konvensyen 1899 atau 1907 atau mana-mana kaedah prosedur pilihan PCA;

“Setiausaha Agung” ertinya ketua kepada Biro Antarabangsa.

### **Pengisytiharan *Permanent Court of Arbitration* menjadi organisasi antarabangsa**

3. *Permanent Court of Arbitration* diisytiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa yang baginya seksyen 4 Akta terpakai.

### **Keperibadian juridikal**

4. *Permanent Court of Arbitration* hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan keupayaan di sisi undang-undang yang diperlukan untuk memenuhi tujuan dan objektifnya di Malaysia.

### **Keistimewaan dan kekebalan *Permanent Court of Arbitration***

5. *Permanent Court of Arbitration* hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

### **Keistimewaan dan kekebalan pegawai tinggi**

6. (1) Seseorang pegawai tinggi hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua kepada Akta.

(2) Seseorang bekas pegawai tinggi hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kedua kepada Akta.

**Keistimewaan dan kekebalan adjudikator PCA**

7. (1) Seseorang adjudikator PCA hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga kepada Akta.

(2) Seseorang bekas adjudikator PCA hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga kepada Akta.

**Keistimewaan dan kekebalan pegawai-pegawai PCA (selain daripada pegawai tinggi)**

8. (1) Seseorang pegawai PCA (selain daripada pegawai tinggi) hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat kepada Akta.

(2) Seseorang bekas pegawai PCA (selain daripada pegawai tinggi) hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Keempat kepada Akta.

**Keistimewaan dan kekebalan peserta prosiding PCA**

9. (1) Seseorang peserta prosiding PCA hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelima kepada Akta.

(2) Pensijilan status peserta prosiding PCA hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dengan ditandatangani oleh seorang pegawai PCA dan dihadkan kepada suatu tempoh masa yang munasabah yang diperlukan bagi sesuatu prosiding.

(3) Seseorang yang telah mengambil bahagian di dalam prosiding PCA hendaklah mempunyai kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Kelima kepada Akta.

**Penepian**

10. (1) Pihak berkuasa berwibawa hendaklah mempunyai kuasa untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan yang tersebut di atas jika, pada pendapat pihak berkuasa itu kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjejaskan pentadbiran keadilan dan, di mana bersesuaian, kepentingan Malaysia dan *Permanent Court of Arbitration*.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pihak berkuasa berwibawa ialah—

- (a) dalam hal adjudikator PCA dan pegawai PCA (selain daripada Setiausaha Agung), Setiausaha Agung;
- (b) dalam hal Setiausaha Agung, Majlis Pentadbiran PCA;
- (c) dalam hal peserta prosiding PCA yang mewakili atau ditetapkan oleh sesebuah Negara yang merupakan pihak kepada prosiding PCA yang berkenaan, Negara tersebut;
- (d) dalam hal individu-individu lain yang hadir atas permintaan sesebuah Negara yang merupakan pihak kepada prosiding PCA, Setiausaha Agung; dan
- (e) dalam hal pegawai Kerajaan, Setiausaha Agung, setelah berunding dengan Kerajaan.

Dibuat 5 Oktober 2017  
[SR(900)BUU(S)442-9]ld1; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ AMAN  
*Menteri Luar Negeri*

Saya bersetuju,  
Bertarikh 5 Oktober 2017  
[KK/BUU/(S)10/0.608 ]ld.2; PN(PU2)507/IV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Menteri Kewangan Kedua*

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) ACT 1992

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES)  
(PERMANENT COURT OF ARBITRATION) REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by subsections 3(1) and 4(1) and section 11 of the International Organizations (Privileges and Immunities) Act 1992 [*Act 485*], the Minister, with the concurrence of the Minister of Finance, makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **International Organizations (Privileges and Immunities) (Permanent Court of Arbitration) Regulations 2017**.

**Interpretation**

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“PCA adjudicator” means any arbitrator, mediator, conciliator or member of a commission of inquiry taking part in a hearing, meeting or other activity in relation to PCA proceedings;

“International Bureau” means the International Bureau of the Permanent Court of Arbitration;

“Government” means the Government of Malaysia;

“officials of the PCA” means the Secretary-General of the PCA and all members of the staff of the International Bureau;

“high officer” means the Secretary-General of the PCA or any officer designated as a High Officer by the Secretary-General of the PCA;

“Permanent Court of Arbitration” or “PCA” means the Permanent Court of Arbitration, based in The Hague;

“participant in PCA proceedings” means any counsel, party, agent or other party representative, witness, expert, as well as any interpreters, translators or court reporters taking part in a hearing, meeting or other activity in relation to PCA Proceedings;

“PCA proceedings” means any dispute resolution proceedings administered by or under the auspices of the PCA, whether or not pursuant to the 1899 or 1907 Convention or any of the PCA’s optional rules of procedure; and

“Secretary-General” means the head of the International Bureau.

### **Declaration of Permanent Court of Arbitration to be an international organization**

3. Permanent Court of Arbitration is declared to be an international organization to which section 4 of the Act applies.

### **Juridical personality**

4. Permanent Court of Arbitration shall have juridical personality and such legal capacities as are necessary to fulfil its purposes and objectives in Malaysia.

### **Privileges and immunities of Permanent Court of Arbitration**

5. Permanent Court of Arbitration shall have all or any of the privileges and immunities specified in the First Schedule to the Act.

### **Privileges and immunities of high officer**

6. (1) A high officer shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Second Schedule to the Act.

(2) A former high officer shall have the immunities specified in Part II of the Second Schedule to the Act.

### **Privileges and immunities of PCA adjudicator**

7. (1) A PCA adjudicator shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Third Schedule to the Act.

(2) A former PCA adjudicator shall have the immunities specified in Part II of the Third Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of officials of the PCA (not being a high officer)**

8. (1) An official of the PCA (not being a high officer) shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Fourth Schedule to the Act.

(2) A former official of the PCA (not being a high officer) shall have the immunities specified in Part II of the Fourth Schedule to the Act.

**Privileges and immunities of participant in PCA proceedings**

9. (1) A participant in PCA proceedings shall have all or any of the privileges and immunities specified in Part I of the Fifth Schedule to the Act.

(2) Certification of the status of participants in PCA proceedings shall be provided to the Government under the signature of an official of the PCA and limited to a period reasonably required for the proceedings.

(3) A person who has participated in PCA proceedings shall have the immunities specified in Part II of the Fifth Schedule to the Act.

**Waiver**

10. (1) The competent authority shall have the right to waive the immunities conferred on the above mentioned where, in the opinion of such authority, the immunity would impede the course of justice and can be waived without prejudice to the administration of justice and, where appropriate, the interests of Malaysia and the Permanent Court of Arbitration.

(2) For the purposes of subregulation (1), the competent authority shall be—

- (a) in the case of PCA adjudicators and officials of the PCA (other than the Secretary-General), the Secretary-General;
- (b) in the case of the Secretary-General, the Administrative Council of the PCA;
- (c) in the case of participants in PCA proceedings representing or designated by a State which is a party to the relevant PCA Proceedings, that State;
- (d) in the case of other individuals appearing at the instance by a State of a party to PCA proceedings, the Secretary-General; and
- (e) in the case of personnel of the Government, the Secretary-General, after consultation with the Government.

Made 5 October 2017  
[SR(900)BUU(S)442-9]ld1; PN(PU2)507/IV]

DATO' SRI ANIFAH BIN HJ AMAN  
*Minister of Foreign Affairs*

I concur,  
Dated 5 October 2017  
[KK/BUU/(S)10/0.608 ]ld.2; PN(PU2)507/IV]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Second Minister of Finance*